



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
**SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TIARA PERMAI**  
NO.2A, JALAN 2/18A  
TAMAN MASTIARA, JALAN IPOH  
51200 KUALA LUMPUR



Telefon : 03-61794752  
Faksimile : 03-62414679  
E-mel : wea0260@moe.edu.my

Ruj. Kami : SMKTP.600-2/1/2 (23)  
Tarikh : 02 Disember 2021

**Semua Ibu Bapa / Penjaga**  
**SMK Tiara Permai**  
**Kuala Lumpur**

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN CUTI PERSEKOLAHAN SEMPENA HARI KELEPASAN AM TAMBAHAN BAGI WILAYAH PERSEKUTUAN**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa YB. Menteri Wilayah Persekutuan melalui kenyataan media pada 1 Disember 2021 telah mengumumkan bahawa kerajaan telah bersetuju supaya hari Jumaat, 3 Disember 2021 diisytiharkan sebagai Hari Kelepasan Am Tambahan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, dan Labuan sempena kejuaraan pasukan KL City FC.
3. Sehubungan dengan itu, sekolah akan bercuti pada **3 Disember 2021 (Jumaat)** sempena Hari Kelepasan Am Tambahan. Sekolah akan dibuka semula pada **6 Disember 2021 (Isnin)**. Semua murid Tingkatan 1, 2, 3, dan 4 akan hadir secara penggiliran dan melaksanakan PdPR secara sendiri. Manakala semua murid Tingkatan 5 hadir sepenuhnya tanpa penggiliran.
4. Pihak sekolah mengucapkan tahniah kepada pasukan KL City FC atas kejayaan menjuarai Piala Malaysia 2021.
5. Pihak sekolah berharap YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan sentiasa mengawasi dan memantau pergerakan anak/anak jagaan masing-masing dan memastikan mereka mengulang kaji pelajaran.

Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian dimaklumkan.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(HAJI AZMAN BIN AB KADIR, AMW)**  
Pengetua  
SMK Tiara Permai  
Kuala Lumpur